

KERTAS 1: Tatabahasa

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Penonton kedua-dua pasukan memberikan sorakan untuk menyokong pasukan pilihan _____.
 A mereka C awak
 B kalian D dia
- 2 Cikgu Syafei menjadi jurulatih setelah setahun _____ bersara dalam arena sukan bola sepak.
 A dia C anda
 B kami D beliau

B. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 1 I Kami mempersembahkan tarian inang untuk menyambut kedatangan tetamu kehormat.
 II Menu manuk pansuh dibuat semasa menyambut Hari Gawai.
 III Festival kebudayaan itu menyambut dengan meriahnya.
 IV Sara menyambut beberapa cucuk sate di atas meja.
 A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja
- 2 I Pihak polis mengetatkan usaha pencarian remaja yang hilang itu.
 II Para pemain mengetatkan latihan sebelum hari perlawanan.
 III Kami mengetatkan kawalan keselamatan di kampung itu.
 IV Qimi mengetatkan skru yang longgar pada tayar basikalnya.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

C. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Asyad dan Azlan saling bantu-membantu semasa kayak mereka tersangkut pada batu.

- (ii) Anggota-anggota masyarakat perlu menjadi mata dan telinga pihak polis untuk membanteras jenayah.

Ingat

- Kata ganti nama diri 'mereka' tidak boleh diulang kerana telah menunjukkan maksud jamak atau banyak.
- Kata ganti nama 'beliau' hanya digunakan untuk orang yang terhormat.